

24 OCT 1997

Pemuda-Ampi

INDONESIA JEMPUT ANWAR MEMPERKATAKAN ISU KEWANGAN DAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Angkatan Muda Pembaharuan Indonesia (AMPI) menjemput Timbalan Perdana Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memperjelaskan masalah kewangan dan ekonomi yang melanda beberapa negara Asia Tenggara sekarang.

Naib Ketua Umum AMPI, Henry Indera Utama berkata pandangan serta penjelasan Anwar mengenai isu kewangan dan ekonomi akan disiarkan kepada umum menerusi saluran televisyen pendidikan Indonesia.

"Kita akan dengarkan kenyataan Datuk Seri Anwar mengenai keadaan ekonomi yang semakin turun di Indonesia dan Malaysia sekarang... pandangan sebenar beliau terhadap ekonomi akan datang di kedua-dua negara dan rantau ini," katanya pada persidangan berita bersama Naib Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein di sini hari ini.

Utama berkata matlamat program anjuran AMPI dan Pemuda Umno itu adalah bagi mendapatkan fikiran orang di luar Indonesia tentang cara menyelesaikan persoalan kewangan serta ekonomi di Indonesia.

Hishammuddin berkata program itu adalah satu usaha yang baik untuk memikirkan masalah dan cabaran ekonomi secara bersama.

Beliau berkata program itu penting kerana isu-isu yang dibangkitkan dan fenomena ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia dan Indonesia melibatkan kedua-dua negara.

Cara untuk mengatasinya di Malaysia mungkin boleh membantu dan memanfaatkan Indonesia, demikian juga usaha yang dilakukan di Indonesia, katanya. Pemuda Umno juga boleh memikirkan cara yang sama untuk mendapatkan pandangan pemimpin Indonesia.

Hishammuddin berkata beliau akan menyampaikan jemputan AMPI itu kepada Anwar dan membincangkan mengenai cara dan pendekatan program itu dengan Anwar di samping mengemukakannya kepada mesyuarat Exco Pemuda esok.

Utama berkata pemilihan Anwar adalah berdasarkan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan serta ketokohnya sebagai pemimpin muda Malaysia yang dikagumi di Indonesia selain Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain isu kejatuhan mata wang dan pasaran saham, topik lain yang dibincangkan dalam pertemuan kira-kira sejam antara Hishammuddin dan Utama ialah mengenai jerebu dan Sukan SEA di Jakarta baru-baru ini.

-- BERNAMA